



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

# TARBIATUNA

JAWATANKUASA TARBIAH - IKRAM MALAYSIA



Bil Keluaran : 05

Siri : 1435H/04 Edaran untuk ahli IKRAM sahaja

Bulan Zulkaedah - Zulhijjah 1435H

## Taujihat



Ustaz Dr Mohd Parid  
Sheikh Ahmad  
Presiden IKRAM  
-m/s 2-

## IKRAM MEMBIMBING MASYARAKAT

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

الحمد لله رب العالمين ، والصلوة والسلام على أشرف المرسلين ، محمد بن عبد الله ، سيد الداعين إلى الله على بصيرة ، والمجاهدين فيه بإحسان ، وعلى آله وأصحابه ومن وآله .. وبعد

Assalamualaikum wbt,

Alhamdulillah Tarbiatuna terbitan ke lima menemui ikhwah dan akhwat dengan tema yang lebih segar dan terkini. Tema yang menjurus kepada dakwah dan tarbiah kepada masyarakat. Tema yang sangat sesuai dengan manhaj taghyir dan islah yang sedang kita bawa.

## Bingkisan Tarbawi



Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria  
Pengerusi JK Tarbiah Pusat  
- m/s 3 -

*"Bagi tiap-tiap seorang ada malaikat penjaganya silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya (dari sesuatu bahaya) dengan perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri dan apabila Allah menghendaki untuk menimpa kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapapun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkanNya itu dan tidak ada sesiapapun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadanya". (Ar-Ra'd : 11)*

Tema yang menjurus kepada kepentingan dakwah dan tarbiah masyarakat serta memberi kefahaman Islam yang menyeluruh kepada mereka. Tema yang menekankan pentingnya tarbiah manhajiah yang kita lalui yang bertujuan untuk mendidik masyarakat menjadi hamba Allah dan masyarakat yang soleh. Akhirnya kita ingin menjadikan dakwah ini sebagai dakwah yang membawa rahmat ke sekalian alam.

*"Dan tiadalah Kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam." (Al Anbiya': 107)*

Marilah kita bersama bergerak untuk menggalas amanah agung ini, amanah yang dijanjikan syurga serta keampunan Allah andainya kita bersungguh-sungguh dan ikhlas melaksanakan dakwah dan tarbiah ini. Wassalam.

Editor.

## Mutiara Al-Quran



يٰٰيُّا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَزَكُّوْا  
وَاسْجُدُوْا وَأَعْبُدُوْا رَبُّكُمْ وَافْعُلُوْا  
الْخَيْر لَعَلَّكُمْ تُنْلَحُونَ

Wahai orang-orang yang beriman, rukuklah serta sujudlah (mengerjakan sembahyang) dan beribadatlah kepada Tuhan kamu (dengan mentauhidkanNya), serta kerjakanlah amal-amal kebajikan; supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).  
(Surah Al-Hajj: 77)

## Mutiara Hadith

Daripada Abu Hamzah Anas ibn Malik r.a., رضي الله عنهم  
daripada Rasulullah SAW, bahawa Baginda bersabda:  
Tidak beriman seseorang kamu sehingga dia suka untuk saudaranya , apa yang disukai untuk dirinya.

(Hadis riwayat al-Imam al-Bukhari dan Muslim)



## Mutiara Hikmah

Berkenal-kenalanlah dengan setiap Muslim yang ditemui kerana asas gerakan dakwah ialah berkenal-kenalan dan berkasih-sayang



~Imam Hasan  
Al-Banna~

## Maktabah Tarbiah



Ustaz Abd Muhammin  
Mohammad Shahar,  
Konsultan JK Tarbiah Pusat  
- m/s 10 -

Diterbitkan oleh : Jawatankuasa Tarbiah Pusat, Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM),

No. 9, Jalan Dagang SB 4/1, Taman Sungai Besi Indah, 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan MALAYSIA

Tel: +603-8945 6999, +603-8945 3666 Fax: +603-8945 1772 Emel: info@ikram.my

# MARATIB AMAL DALAM MANHAJ PERUBAHAN



Amal pada tahap ke tiga ialah :

“ Membimbing masyarakat ”

Menerusi berbagai-bagi inisiatif antaranya:

1. Penyebaran dakwah kepada kebaikan di tengah-tengah mereka.
2. Pembasmian perkara-perkara yang keji dan mungkar.
3. Menggalakkan kegiatan-kegiatan yang mulia/baik.
4. Menyeru kepada perkara-perkara yang makruf.
5. Bersegera membuat kebaikan
6. Mempengaruhi pandangan umum agar mendokong gagasan pemikiran Islam.
7. Mewarnai fenomena kehidupan masyarakat umum agar sentiasa sejajar dengan gagasan pemikiran Islam tersebut.
8. Semuanya ini merupakan kewajipan peribadi setiap saudara Muslim dan kewajipan jamaah sebagai sebuah organisasi yang berjuang.

Amal pada tahap ketiga ini, iaitu selepas tahap pemberian diri dan pembentukan keluarga Muslim dilaksanakan dengan tujuan membimbing masyarakat

umum. Ia dapat dilaksanakan menerusi penyebaran dakwah kepada kebaikan secara aktif dan meluas di tengah-tengah masyarakat umum tersebut.

Menerusi usaha-usaha dakwah ini, masyarakat digalakkan melakukan berbagai-bagi kegiatan yang baik, amalan-amalan yang mulia, berlumba-lumba membuat kebaikan untuk diri mereka sendiri, kebaikan kepada orang lain terutamanya kepada ahli keluarga, sanak saudara, jauh dan dekat dan ke arah golongan-golongan yang memerlukan santunan dan pelayanan baik, ke arah semua lapisan masyarakat, tua dan muda, lelaki dan perempuan.

Mereka juga diajak ikut aktif membasmikan perkara-perkara yang mungkar dan keji dalam apa bentuk sekali pun sewaktu ia wujud atau tersebar di kalangan mereka seperti ajaran-ajaran sesat, fahaman-fahaman pelampau, sikap dan perbuatan zalim kepada seseorang atau kumpulan manusia yang lain, kegiatan kegiatan yang berlawanan dengan norma-norma akhlak yang mulia, kegiatan-kegiatan yang merosakkan diri, masyarakat dan persekitaran, budaya-budaya songsang yang bertentangan dengan fitrah manusia yang waras dan sihat, agama Islam yang lurus.

Penyebaran dakwah kepada kebaikan di kalangan masyarakat perlu diaktifkan agar mereka mengambil tanggungjawab memperbaiki situasi diri mereka sendiri, situasi keluarga dan situasi lingkungan supaya semua mereka akan sentiasa berusaha mewujudkan perubahan dalam diri mereka sendiri dari sudut pen-



*Ustaz Dr Mohd Parid Sheikh Ahmad,  
Presiden IKRAM*

ingkatan ilmu kesedaran, kefahaman, pengetahuan dan pengamalan Islam sebagai satu-satunya agama yang benar dan sistem kehidupan yang sah, pemberian situasi di sekitar diri mereka agar ia bertambah baik, bertambah sihat sehingga memungkinkan Islam itu berkembang mekar mewarnai pembangunan masyarakat. Diringi bimbingan hidayatNya, ia bergerak ke satu ufuk kesempurnaan yang lebih tinggi dan lebih menyeluruh.

Perubahan situasi-situasi di atas akan banyak membantu mereka untuk ikut serta memperjuangkan Islam di tengah-tengah masyarakat dan dalam Negara dengan menggunakan pendekatan-pendekatan dakwah yang terbaik, menyeru kepada perkara-perkara yang makruf, pemberian persekitaran, pemberian diri dan pemberian masyarakat, pemberian situasi kehidupan mereka dan kedudukan negara dan lain-lain.

Akan lahirlah dari perubahan situasi-situasi di atas satu generasi baru, kader-kader dakwah yang lebih cerdas, para pelopor perjuangan yang akan bersegera melakukan pemberian-pemberian tambahan kepada pendekatan-pendekatan dakwah dan perjuangan, bergerak menerusi satu wadah perjuangan yang lebih berkesan, menyusun inisiatif-inisiatif baru bagi memperluaskan capaian dan meningkatkan hasilnya .

Mereka akan berusaha bersungguh-sungguh bagi mempengaruhi pandangan umum agar mendokong seluruh gagasan pemikiran Islam dalam semua aspek-aspek kewujudan, aspek ketuhanan, aspek kenabian, aspek kehidupan manusia, aspek kewujudan dan perjalanan alam semesta, aspek perundangan, aspek perekonomian,

*bersambung di m/s 3*



# KONSEP PERUBAHAN IMAM SYAHID HASAN AL-BANNA

BINGKISAN TARBAWI

Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria, Penggerusi JK Tarbiah Pusat

Konsep dakwah yang dibawa oleh Imam Syahid Hasan Al-Banna bersifat komprehensif dan universal. Konsep yang mencakup seluruh isi pemahaman Islam dan mampu menjawab semua persoalan kehidupan.

Ia seumpama sinaran fajar pagi yang menyingkap tabir pekat yang menutupi kehidupan umat Islam. Beliau sebenarnya adalah mujaddid Islam di abad ke 20. Imam Syahid mampu menggabungkan pemahaman terhadap nilai-nilai Al-Quran dan petunjuk Rasulullah SAW secara benar dan menyeluruh dengan pembacaan yang mendalam terhadap fakta-fakta sejarah dan Sunnah Allah dalam menempatkan sebuah kekuasaan di muka bumi. Juga termasuk kemampuannya untuk melihat secara jelas realiti umat Islam, menentukan penyakit umat dan mengetahui bagaimana rawatan yang harus diberikan mengikut urutan keutamaan.

Sebelum kedatangan Imam Syahid, sebenarnya telah banyak percubaan dilakukan untuk memulihkan umat ini, namun ia tidak bertahan lama. Ia tidak membawa konsep pemahaman Islam yang benar menyeluruh, atau pemahaman yang mendalam terhadap realiti

kehidupan, atau tidak menjaga sunnah (ketentuan) Allah dalam proses tamkin, atau kerana terjadinya penyimpangan dengan berlalunya masa, atau kerana perpindahan ke generasi berikutnya dan ia tak mampu memikulnya, atau kerana reaksi yang terbatas atau teori serta simbol hampa tanpa adanya bangunan dakwah kuat dan gerakan berterusan.

Uslub yang dibawa Imam Syahid sangat istimewa. Uslub tersebut mampu mengubah teori dan mimpi menjadi sebuah realiti. Hal ini disokong dengan kemampuannya yang tinggi dalam tanzim dan pengurusan dengan kurniaan Allah, memimpin dan mendirikan sebuah jamaah yang membawa panji-panji Islam dengan asas yang kuat serta tidak mudah hilang dan dihancurkan.

Bangunan yang kuat dan berkesinambungan ini menunjukkan kebijaksanaan Imam Syahid. Suatu hari beliau ditanya: "Mengapa anda tidak menulis ilmu yang luar biasa ini dan melahirkan buku-buku?". Beliau menjawab: "Sesungguhnya aku membina dan melahirkan para pejuang yang membawa kebenaran".

Sesungguhnya Imam Syahid adalah

orang pertama yang menyedari tentang hakikat umat, kadar kerosakan yang dideritai, serta kadar kemunduran yang dialami. Kerosakan itu tidak sekadar runtuhnya khilafah dan hancurnya kesatuan umat, bukan sekadar penjajahan ketenteraan terhadap negara-negara Islam atau terbatas pada kemunduran teknologi dalam segala bidang.

Buat pertama kali kemunduran umat sampai pada titik yang amat merbahaya. Umat ini berada pada posisi luar dari daerah kekuasaan dan pemerintahan. Permasalahannya telah sampai kepada asas berdirinya masyarakat dan negara.

Ubat dan rawatannya tidak akan bermanfaat dalam bentuk juz'i atau merubah sebahagian bidang dengan ubat-ubat penenang sahaja. Projek kebangkitan umat mesti dimulai sesuai dengan langkah-langkah yang dilakukan oleh Rasulullah SAW; bermula dengan pembinaan peribadi Muslim, lalu pembinaan keluarga, pembinaan masyarakat hingga akhirnya sampai ke marhalah tamkin (kekuasaan) dan penegakan negara, lalu berterusan sehingga memimpin dunia seluruhnya (ustaziatul alam).

bersambung dari m/s 2  
aspek kehidupan sosial manusia dan seterusnya, meyakini dan menerimanya dengan baik, memahami nya dengan dalam lantaran kelangsungan kehidupan manusia dalam bentuknya yang benar, lurus, selamat, mencapai kebahagiaan dan kejayaan yang abadi amat bergantung kepada sokongan, kepercayaan dan keyakinan terhadap gagasan-gagasan pemikiran tersebut .

Gagasan-gagasan pemikiran Islam di atas merupakan asas-asas dan tiang-tiang kepada satu sistem kehidupan manusia yang sempurna, yang akan menjamin kelangsungan

kehidupan mereka dalam bentuknya yang lurus, berimbang dan sejahtera, yang akan menggerakkan perubahan manusia menjadi hamba-hamba Allah swt yang taat, pengikut Muhammad yang setia, pejuang-pejuang Islam yang sentiasa menjunjung amanah khilafah di atas muka bumi ini dengan gigih, memakmurkan dunia dengan pelbagai amal soleh, juga menggerakkan perubahan dunia kepada satu dunia yang selamat untuk didiami manusia sejagat, dunia yang makmur, di bawah naungan payung keadilan oder baru Islam untuk dunia dan manusia sejagat. Satu kehidupan yang dapat membawa mereka kepada

kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Dakwah yang mereka lakukan ke arah masyarakat pada akhirnya bertujuan mewarnai fenomena kehidupan mereka agar sentiasa sejajar dengan gagasan pemikiran Islam tersebut, berdiri di atas asas-asas yang kuat agar ia mampu berdiri teguh berhadapan dengan badai-badai kehidupan, membesar dan merendang, menaungi manusia yang berlindung sebentar di bawahnya sementara meneruskan perjalanan merentasi sahara kehidupan dunia yang fana menuju ke alam akhirat yang baqa.

# DISIPLIN TARBAWI UNTUK KERJA DAKWAH UMUM

Sesungguhnya antara objektif dakwah kepada Allah ialah menyebarkan kebaikan kepada manusia, amar makruf nahi mungkar, menggalakkan manusia melakukan kebaikan dan mengingatkan mereka agar tidak terjebak ke lembah kehinaan dan kemungkaran. Di atas jalan dakwah ini, kita menghadapi kedua-dua jenis ini serentak dalam kerja dakwah; salah satunya berkaitan dengan pembinaan dan pembentukan, sebahagian lagi berkaitan dengan propaganda dan pengenalan. Usaha yang dikorbankan pada kedua-dua perkara ini (takrif - takwin) tidak terpisah, bahkan ia saling menyempurnakan.

## Membimbing Masyarakat

Imam Banna membentangkan konsep ini ketika memperkatakan maratib amal yang dituntut daripada seorang al-akh yang benar, maka dia sebutkan setelah menyentuh dua martabat mengislah diri dan mentakwin rumah tangga: "Dan menunjuk ajar masyarakat dengan menyebarkan seruan kebaikan padanya, memerangi dosa dan kemungkaran, menggalakkan berakhlik baik, menyuruh yang makruf, menyegerakan melakukan kebaikan, mempengaruhi pandangan umum ke arah pemikiran Islam serta sentiasa mewarnakan lahiriah kehidupan umum dengan warna Islam..." (Risalah Ta'alim)

Tidak syak lagi bahawa dakwah pada marhalah terbuka dalam masyarakat bertolak dari hakikat bahawa ia adalah dakwah tarbawiyah yang praktikal; anggotanya bergerak membawa kebaikan dalam masyarakat dengan akhlak yang dimiliki mereka hasil tarbiah yang dilalui berdasarkan manhaj Islam. Seorang al-akh itu tidak boleh terpisah dari bekalan dan gerakannya, tidak terpisah dari tarbiah dan dakwah serta sumbangannya. Justeru kadar kekuatan dakwah dalam tarbiah dan takwin anggotanya akan menentukan kerja dan kesannya dalam masyarakat yang digerakkannya.

Antara isu penting ketika era terbuka dalam masyarakat ialah isu 'propaganda dan iklan berkaitan kerja dakwah umum serta pembahagian tugas tarbawi bagi program umum'. Yang dimaksudkan ialah kerja-kerja yang sesuai dengan situasi umum yang dilalui dakwah pada medan islah dan khidmat masyarakat untuk dibangunkan bersama. Contohnya seperti khidmat masyarakat, kebajikan anak yatim, pertolongan cemas, merawat orang sakit, bantu orang

miskin, bantu orang yang terkena bencana, pasukan yang menyampaikan dakwah, bantu Muslimin yang lemah di pelbagai tempat, pasukan yang berjuang untuk politik dan tuntutan hak, mengajar orang dewasa dan menghapuskan buta huruf, aktiviti sempena hari kebesaran Islam seperti sembelihan korban, zakat fitrah, masuk ke sekolah-sekolah dan bantuan berkempen dalam pilihanraya di peringkat persatuan, pelajar atau negeri dan parlimen dan lain-lain.


Dalam hal ini kita tidak mahu menyentuh faedah yang akan diperoleh dari kerja dalam masyarakat y kerana ia amat banyak. Tetapi seperti kerja dalam masyarakat punya faedah, maka di masa yang sama di sana ada disiplin yang perlu dipelihara.

## Antara disiplin kerja dakwah umum dan propaganda

Disiplin tarbawi yang wajib kita ambil ketika mengadakan program umum adalah banyak, sesuai dengan medan dan peluang yang terdapat dalam masyarakat. Disiplin bagaimana untuk kita iklankan program dan aktiviti, bagaimana kita tonjolkannya kepada masyarakat? Semua itu berkaitan dengan faktor pendorong kerja-kerja ini serta objektif untuk mengiklankannya kepada orang ramai dan kaitan aktiviti kita serta kerja orang selain kita di tempat yang sama:

1. Pentingnya menghadirkan niat yang ikhlas kerana Allah, memperlokkan tujuan bekerja di mana ianya semata-mata kerana Allah sahaja, mengharapkan pengampunan dan keredhaanNya.
2. Bahawa hakikat gerak kerja umum dengan dakwah di kalangan manusia merupakan ibadat kepada Allah. Kita beribadat kepada Allah dalam setiap gerak kerja, apapun medan tersebut; ekonomi, sosial, politik, dakwah, pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Untuk itu tidak wajar kita hanya menghadkan makna beribadat hanya dalam gerak kerja dakwah umum bersama masyarakat sahaja.
3. Berjaga-jaga agar semua amalan yang kita zahirkan kepada orang ramai dari sifat riyak atau sum'ah hingga merosakkan amal dan usaha menjadi sia-sia.

4. Orang yang terlibat dengan kerja umum di kalangan kita mesti terdiri dari kalangan yang mempunyai reputasi yang baik, takwanya tampak teristimewa, terhias dengan akhlak mereka, mampu mempengaruhi dalam masyarakat dan tidak terpengaruh dengan penyakit dan tingkah lakunya, mampu pula untuk menzahirkan model contoh di hadapan orang ramai.
5. Mesti diingat bahawa kerja dakwah umum tidak wajar menyebabkan individu yang terlibat meninggalkan kewajipan tarbiah terhadap diri mereka dari segala sudut; keimanan, ibadat, akhlak, fikrah dan sebagainya. Ini adalah bekalan wajib bagi semua orang yang bekerja dengan dakwah dan ia adalah janaan (hasil) perolehan dari semua aktiviti dan program tarbawi kita sama ada secara individu atau jama'i. Kerana tarbiah adalah bekalan dan gerakan, menerima dan menyumbang dan tidak mungkin sumbangan akan berterusan tanpa bekalan tarbawi yang berterusan.
6. Keprihatinan di samping kita bekerja menyeru orang ramai kita mesti menjaga adab dan akhlak yang sempurna. Imam Banna dalam bab ini menyatakan: "Berawaslah kalian agar sentiasa menjadi orang yang benar dan tidak melampaui hakikat. Hendaklah propaganda kalian sentiasa berada dalam batasan adab yang sempurna dan akhlak yang baik. Berilah perhatian sebaiknya untuk mengumpulkan hati dan menjinakkan jiwa. Hendaklah kalian rasai apabila dakwah ini menang bahawa ia adalah kurniaan Allah juga".
7. Jangan sampai pelaksanaan gerak kerja dakwah, kemasyarakatan dan propaganda ini membawa kepada pergaduhan atau memudaratkan persahabatan lalu menghalang perjalanan serta melambatkan tujuan tercapai.
8. Keprihatinan yang bersungguh-sungguh mesti diberi terhadap mereka yang terlibat dalam gerak kerja umum ini serta penjagaan rapi dari sudut tarbawi dan imani. Mereka amat berhajat kepada pemerhatian tarbawi secara berterusan kerana tabiat kerja mereka amat mencabar; berada di majlis besar, menaiki pentas hebat, sentiasa diekori oleh juru kamera atau wartawan, cerita mereka terpampang di dada akhbar dan televisyen. Tujuannya agar terpelihara mereka dari pelbagai fitnah dan bimbang jiwa berubah bila hilang dari pemantauan, justeru hati nanti terdedah dengan dunia yang akhirnya memesongkan mereka dari matlamat.
9. Tajarrud sepenuhnya dalam gerak kerja umum dan propaganda dakwah ini. Jangan jadi program dan propaganda kita kerana membalaq propaganda pihak yang lain atau



bertujuan memperlekeh kerja orang lain (pertubuhan atau individu), atau bertujuan menzahirkan bahawa kita kuat dan lebih baik daripada orang lain. Akan tetapi tujuan kita sebenarnya kita hendaklah sentiasa bersama penyebaran dakwah, penyebaran kebaikan kepada manusia, khidmat dan pemberian dan selepas itu semua, tujuan kita terbesar ialah ubudiah kita kepada Allah.

10. Hendaklah kita berlitzam dengan hikmah dalam dakwah dan propaganda kita, serta memperlokkan jalan dan muamalah kita kerana kita diperintahkan oleh Allah berbuat demikian. Allah berfirman: "Serulah ke jalan tuhan-mu dengan hikmah dan nasihat yang baik dan berbincanglah dengan mereka dengan cara yang terbaik. Sesungguhnya tuhan-mu maha mengetahui siapa yang telah sesat dari jalanNya dan Dia maha mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk". Dan firmanNya lagi: "Dan berkatalah kepada manusia secara baik".

Di antara makna hikmah juga ialah kita memperlokkan pembentangan dakwah kita ini kepada orang ramai, menekuni seni-seni perhubungan dengan mereka. Antaranya kita menjadi qudwah terhadap apa yang kita seru. Jangan pula apa yang kita seru itu tidak terlihat secara praktikal pada kita. Antaranya lagi kita mendahului mereka dengan apa yang kita seru. "Bila kamu menjadi imam saya, maka hendaklah kamu berada di hadapan saya".

Sebaiknya kita merasai bahawa kita adalah pembawa kebaikan dan menyampai hidayah untuk umat kita dan bagi semua manusia. Tidak merasai tinggi diri, tidak melakukan kekerasan dan tidak rasa diri kita lebih. Allah berfirman: "Sesungguhnya telah datang seorang Rasul dari kalangan kamu, amat mengambil berat tentang apa yang dihadapi oleh kamu, amat prihatin ke atas kamu sebagai mukmin lagi berlemah lembut dan kasihan belas". Bersikap lemah lembut dan berlapang dada bersama mereka. Benarlah kata-kata: "Siapa yang sukarela menyeru manusia dan bekerja untuk bersama masyarakat, mesti terdiri daripada orang yang lapang dadanya dan sanggup menanggung bebanan".

Hendaklah kita sentiasa bermuhasabah diri apabila selesai sahaja program dan gerak kerja umum dengan soalan, apakah faedah yang diperolehi oleh dakwah kita selepas gerak kerja yang kita lakukan? Apakah kesan ke atas kita sebagai individu yang terlibat dengan gerak kerja ini? Adakah ia telah mendekatkan kita kepada tuhan kita? Adakah ia bermakna kita telah menyumbang faedah kepada masyarakat kita? Apa pula kesan gerak kerja ini kepada pembentukan kita dan tarbiah kita? Adakah ia telah menambahkan kemahiran atau pengalaman yang boleh kita gunakan dalam gerak kerja mendatang? Dan soalan-soalan lain yang boleh difikirkan.



“Pertubuhan IKRAM Malaysia mengutamakan perlaksanaan Islam dari sudut kefahaman dan amalan, teori dan praktikal, akidah dan ibadah, akhlak dan muamalah. Dengan metodologi yang menyeluruh ini, ia menegaskan tentang kesyumulan Islam dan keistimewaan umat Islam. (*Kamu adalah umat yang terbaik yang diutuskan untuk sekalian umat manusia. Al-Imran : 110*). Ini dapat diperhatikan dengan jelas daripada visi, misi, metodologi, program, peranan institusi dan sumbangan anggota dan pengikutnya. Sesungguhnya itulah Islam yang syumul padanya terdapat kebaikan dan akhirat.”

JK Dakwah telah berupaya menubuhkan 25 cawangan Hidayah Centre diseluruh Negara. Melalui khidmat HC ini beribu-ribu saudara baru telah Berjaya disantuni diseluruh Negara sejak tahun 2005.

Hidayah Centre juga telah berjaya mengajak masyarakat Islam berdakwah kepada masyarakat belum Islam di Malaysia melalui program

menimbulkan kesedaran berdakwah melalui institusi dalam masyarakat seperti masjid, IPTA, IPTS, Jabatan Kerajaan dan lain-lain.

Program-program seperti Chinese New Year Open House, Karnival Harmoni, Dialog Antara Agama dan lebih 40 inisiatif dakwah HC juga telah berjaya diadakan diseluruh negara untuk menghapuskan salah faham dan

tembok pemisah masyarakat yang belum Islam memahami ajaran Islam yang sebenar.

Hasil dari pendekatan dan program-program di atas, masyarakat diharapkan semakin hampir kepada agama Islam, samada memeluk Islam atau paling kurang merasa sejahtera dan aman dengan agama Islam.

## HIDAYAH CENTRE FOUNDATION



Hj Nicholas Sylvester  
Pengerusi JK Dakwah dan  
Pengerusi Hidayah Centre Foundation



Syed Ibrahim Syed Noh  
Pengerusi JK Masyarakat Madani

## JK MASYARAKAT MADANI DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Kita bertanggungjawab bukan sahaja menyampaikan Islam tetapi juga menerangkan Islam sambil membuktikan model dan contoh melalui pelaksanaan. Ini tidak dapat dilakukan sekiranya kita tidak mendekati masyarakat apatah

lagi dalam suasana masyarakat majmuk di Malaysia. Rujuklah kepada Surah Al-Hujurat ayat 13.

Dengan penglibatan aktif kita dalam gabungan NGO Islam seperti MAIM dan ACCIN serta gabungan NGO Masyarakat sep-

erti Negara-Ku dan Gabungan Bertindak Malaysia (GBM), maka kita telah mula memberi kesan kepada mewujudkan platform untuk memenuhi objektif berkenaan terutamanya dalam menempatkan IKRAM di tengah-tengah masyarakat.



Shahrul Aman Shaari  
Pengerusi JK Pembangunan Belia dan Remaja

## JK PEMBANGUNAN BELIA DAN REMAJA

Perlaksanaan Tadrib Aktivis Belia dan Remaja (TABRI) yang dijayakan bersama JK Tarbiah merentasi semua JK Belia dan Remaja seluruh negara adalah antara komitmen kami terhadap usaha membentuk individu dan mencorakkan masyarakat. Projek perintis ini telah memulakan gerak kerja

berdasar Amal Am, Rabtul Am dan Amal Tajmi di kalangan aktivis Belia dan Remaja seluruh negara. Tanda-tanda awal dan sambutan daripada JK Belia dan Remaja negeri dan agensi terlibat selama setahun perlaksanaan sangat menggalakkan. Kita mengimpikan terbentuk pasukan yang kompeten, gerak kerja yang jelas dan sistem yang berkesan untuk melonjakkan keahlian dan melebar-

luaskan takungan pendokong IKRAM di seluruh negara; terutama dari kalangan 10.5 juta belia dan remaja bukan graduan. Kepentingannya tidak diragu-ragukan lagi. Perjalanan masih jauh dan memerlukan sokongan, dokongan, doa dan perubahan paradigma yang menyeluruh daripada seluruh warga Ikram untuk menjayakan agenda murni ini.

Setelah hampir 4 tahun ditubuhkan, IKRAMTeens telah melaksanakan lebih hampir 500 buah program di seluruh negara melibatkan program di sekolah dan masjid yang mendapat tempat di hati masyarakat. Antaranya ialah Kem motivasi dan sahsiah

diri “Keindahan Bersama Mu (KBM)”, program awal remaja “Meniti Usia Baligh (MUB)”, Cinta Fotokopi dan sebagainya.

Ketiga-tiga program ini merupakan “flagship programs” yang telah mendapat sambutan di seluruh negara termasuk Sabah & Sarawak.

## IKRAMTEENS

Projek IKRAMTeens terkini iaitu pembinaan pemimpin remaja yang disusun melalui 6 buah program berterusan di bawah Projek Dua Tahun Remaja Cemerlang (PRODUCE). Kini PRODUCE telah memasuki generasi ke-10.



Mohd Hafiz Abd Hamid  
Pengarah IKRAMTeens



Datin Paduka Che Asmah Ibrahim  
Ketua Wanita IKRAM



## Peranan Wanita Dalam Pembinaan Individu dan Masyarakat Rahmah

Islam telah mengiktiraf kepentingan peranan wanita dalam pembangunan diri, keluarga dan masyarakat sebagaimana firman Allah s.w.t

**وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُنَّ أَوْلَيَاءُ بَعْضٍ  
يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيَقِيمُونَ  
الصَّلَاةَ وَيَنْهَاوْنَ الْرَّكْوَةَ وَيُطْبِعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ  
أُولَئِكَ سَيِّرَحُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ**

*Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahanan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.(At-Tawba: 71)*

Risalah yang dibawa oleh Rasulullah SAW telah mengangkat darjah wanita dan memimpin mereka untuk memainkan peranan yang sebaik-baiknya selaras dengan matlamat kejadian mereka. Berbeza dengan zaman sebelum Islam, cara hidup Islam telah mencetuskan revolusi sosial yang mengubah masa depan wanita. Di dalam khutbah widak Rasulullah SAW telah meninggalkan pesan kepada ummah supaya hak wanita ditunaikan.

“Wahai manusia sebagaimana kamu mempunyai hak atas isteri kamu mereka juga mempunyai hak di atas kamu. Sekiranya mereka menyempurnakan hak mereka ke atas kamu, maka mereka juga berhak untuk diberi makan dan pakaian dalam suasana kasih sayang. Layanilah wanita-wanita kamu dengan baik dan berlemah lembutlah terhadap mereka kerana

sesungguhnya mereka adalah teman dan pembantu kamu yang setia. Hak

pada prinsip kesamarataan(equality) dari sudut melaksanakan tuntutan Ad-



kamu atas mereka ialah mereka sama sekali tidak boleh memasukkan orang yang kamu tidak suka ke dalam rumah kamu dan dilarang melakukan zina.”

Kemuliaan dan peranan seseorang wanita itu hendaklah ditentukan selaras dengan kedudukan mereka di dalam institusi keluarga samada sebagai ibu, isteri, anak atau saudara kandung. Dengan kepakaran yang ada pada wanita pada hari ini, wanita seharusnya boleh, malah dianjurkan untuk berperanan aktif dalam pembangunan keluarga dan mentarbiah masyarakat mengikut bidang kepakaran mereka masing-masing.

Menyedari hakikat dan kepentingan penglibatan wanita di dalam semua ruang lingkup kehidupan, pergerakan perjuangan memartabatkan kedudukan wanita hari ini hendaklah kembali kepada cara hidup yang telah ditetapkan oleh syariat Islam dengan berpegang

Deen dan kesaksamaan (equity) dalam menentukan hak dan tanggungjawab di antara lelaki dan wanita. Kesaksamaan bermaksud berlaku adil pada tempatnya tanpa sebarang bentuk diskriminasi.

### Peranan dalam pentarbiahan diri

Bagi membolehkan wanita berperanan sebaik-baiknya, wanita perlu memperkasakan diri mereka dengan ilmu yang bermanfaat agar mereka dapat mengenal matlamat hidup, membina jati diri, melaksanakan tanggungjawab, menuntut hak dan membuat keputusan dalam hidupnya. Usaha ini akan membolehkan setiap wanita mulakan perubahan dari dalam diri mereka, bukan hanya tertumpu untuk meningkatkan kecerdasan intelek semata-mata tetapi juga meningkatkan kecerdasan dan kemahiran mengurus emosi dan spiritual sendiri dengan baik bagi mengambil kedudukan dan berperanan di dalam sosiomasyarakat.

bersambung di m/s 8

bersambung dari m/s 7

Dengan kekuatan ilmu yang membawa kepada peningkatan iman dan takwa, maka wanita akan berupaya menjadi agen perubahan kepada pembangunan insan yang syumul dalam mendidik ahli keluarga dan masyarakat.

### Peranan dalam pembentukan keluarga Muslim

Institusi keluarga merupakan institusi Rabbani yang dibina berdasarkan kehendak dan tuntutan Ilahi. Asas institusi keluarga adalah untuk menjamin kepentingan wanita samada bagi wanita yang belum atau telah berumahtangga. Dengan itu, pembinaan baitul muslim merupakan asas penting dalam pembinaan masyarakat. Firman Allah Ta'ala

وَمِنْ عَابِتَهُ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ يَنْتَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَكَبَّرُونَ

*Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmat-Nya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di*

*antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.*

Hubungan lelaki dan wanita dalam rumahtangga adalah suatu hubungan yang mulia yang didasarkan atas perkongsian hidup, pembahagian tugas khusus, layanan yang baik dan menunaikan tanggungjawab dengan sempurna menurut syariat. Dalam menjayakan perkongsian hidup ini, lelaki sebagai pemimpin rumahtangga hendaklah sedaya upaya melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan ke atasnya seperti memberi nafkah, melindungi dan memelihara seluruh ahli keluarganya iaitu ibu bapa, isteri-isteri, anak-anak dan adik beradik perempuannya dan lain-lain. Manakala, wanita sebagai rakan kongsi rumahtangga hendaklah sedaya upaya berperanan sebagai pengurus rumah tangga, melaksanakan tanggungjawab untuk memelihara, mendidik, dan merawat anak-anaknya.

### Peranan dalam pembentukan Masyarakat

Wanita mempunyai peranan penting yang

bersambung dari m/s 9

nimbulkan banyak konflik semasa. Atas nama hak asasi manusia, perlakuan sumbang dan tidak bermoral mendapat laluan mudah dalam masyarakat yang tidak lagi terpandu(terdorong) arah kepada sistem nilai yang menggariskan apa yang boleh atau tidak boleh dilakukan, yang mana satu halal dan haram.


IKRAM perlu segera menggerakkan jentera dakwah di kalangan ahli untuk menyeru manusia kembali kepada fitrah yang telah ditetapkan oleh Allah SWT, Khaliq yang Maha Sempurna. Masyarakat Muslim perlu dididik, diasuh, dipujuk rayu untuk kembali berpegang kepada Al-Quran dan Sunnah Rasulullah saw yang menekankan pemantapan akidah yang sahih. Pembinaan fikrah yang sejahtera,

kritis, seimbang dan progresif perlu diberi keutamaan yang tinggi. Akhlak luhur yang menekankan aspek keikhlasan dan keutamaan ukhuwah penuh kasih sayang mestilah menjadi hiasan diri setiap daé IKRAM dan keluarga masing-masing.

Usaha islah dan penambahbaikan yang berterusan dan konsisten memerlukan kader dakwah yang ada terjun di tengah-tengah gelanggang masyarakat. Mereka harus tidak mudah mengaku kalah dalam berhadapan dengan tribulasi dan mehnah perjuangan. Ahli IKRAM mestilah mampu menyusun strategi yang efektif di samping mengemukakan langkah inovatif dalam

perlu dimainkan dalam mencorakkan pembentukan masyarakat. Peranan wanita dilihat sebagai pelengkap kepada peranan yang dimainkan oleh kaum lelaki di dalam masyarakat dan bukan bersaing.

Bagi menzahirkan hasrat ini, wanita perlu diberikan galakan, sokongan dan kemudahan untuk menyumbang dalam struktur sosial masyarakat menerusi bidang kepakarannya dengan menyediakan bantuan dan prasarana khusus untuk kemudahan wanita. Menyediakan persekitaran yang kondusif, termasuk penggubalan dasar dan perundangan yang adil bagi mengembalikan martabat dan meningkatkan kesejahteraan hidup wanita di dalam struktur sosial masyarakat adalah antara pra syarat kepada penglibatan wanita di dalam masyarakat. Di samping itu, wanita juga perlu melengkapkan diri mereka dengan pelbagai kemahiran dalam menguruskan diri dan keluarga agar tuntutan untuk berdakwah dan mentarbiah masyarakat dan tanggungjawab terhadap diri dan keluarga dapat diseimbangkan.



yang ada. IKRAM perlu mengemukakan satu model penyelesaian yang logikal, praktikal dan lestari dalam menangani setiap krisis masyarakat, menggunakan pendekatan Islam yang syumul. Pihak non-Muslim(belum Islam) mesti dilibatkan sekali melalui usaha jaringan yang inklusif dalam mencari penyelesaian kemelut masyarakat agar mereka dapat merasakan sendiri keindahan Islam dan pendekatan fitrah yang menjamin kesejahteraan bersama.



# SOSIO MASYARAKAT TERANCAM : IKRAM WAJIB BERPERANAN TANGANINYA



Prof Madya Dr Harlina Halizah Siraj,  
Ahli Dewan Perwakilan Nasional IKRAM

Masyarakat yang dibentuk oleh kelompok manusia yang mempunyai seribu satu kepelbagai dan kerencaman pastinya akan berhadapan dengan pelbagai cabaran, halangan dan ancaman yang bertali arus. Sebagai sebuah organisasi dakwah massa, IKRAM perlu sentiasa responsif terhadap denyutan nadi masyarakat yang sentiasa berdenut mengikut peredaran masa. Kegagalan untuk bertindak balas terhadap isu semasa masyarakat secara tangkas dan tepat akan menyebabkan

dapat diberi kepercayaan oleh umum sebagai organisasi yang mengetengahkan Islam sebagai rahmat alam.

Masyarakat hari ini berhadapan dengan pelbagai ancaman dari luar dan dalam. Sekiranya ancaman ini tidak dikendalikan dengan sebaik mungkin, akan berlakulah kerosakan dan kehancuran yang lebih parah. Kerosakan pula sememangnya berpunca dari manusia itu sendiri, sebagaimana yang difirmankan oleh

ketara kesan dan akibatnya ialah ketidakseimbangan hidup manusia yang berpunca dari terhakisnya penghayatan aspek spiritualiti(kerohanian) manusia. Kehairahan mengagungkan aspek fizikal luaran, mengagumi kecerdasan intelektual dan mengutamakan layanan emosi yang berpaksikan hiburan hedonistik semata-mata, menjadikan hidup manusia ini semakin tempang dan tergelincir. Aspek kerohanian yang tidak pula berasaskan wahyu dari Pencipta yang Maha Bijaksana adalah ancaman dalaman lain yang menyebabkan kesesatan yang tidak mampu dikesan oleh manusia itu sendiri, menjadikannya tertipu dengan kehidupan dunia yang sementara. Rentetan dari kegagalan manusia menjalani kehidupan spiritual yang berkualiti, berlakulah pula krisis akhlak yang berleluasa dalam masyarakat. Tanpa hadirnya perasaan kasih, harap dan takutkan Tuhan yang sentiasa Maha Melihat lagi Maha Teliti, lunturlah aspek integriti, kepercayaan, rasa hormat menghormati dan kasihan mengasihani. Akhirnya manusia akan sentiasa tinggal dalam ketakutan dan keimbangan terhadap keselamatan dirinya, ahli keluarga dan organisasi.



IKRAM dilihat tidak relevan serta kurang berkemampuan menyediakan pendekatan alternatif yang segar dan efektif.

Wajar sekali, ahli IKRAM untuk sentiasa peka dengan sebarang riak rentak, keluh kesah, hasrat dan cita-cita masyarakat sekeliling. Ahli IKRAM tidak mempunyai pilihan lain melainkan untuk turut sama menghadirkan diri, jiwa dan raga di tengah-tengah komuniti mad'u di sekitar mereka. Pendekatan ahli IKRAM mestilah dilihat turut sama merasai segala emosi yang sedang bergolak dalam masyarakat, sebelum mereka

Allah swt dalam Al-Quranul Karim:

**طَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْأَرْضِ وَأَبْخَرَ بِمَا كَسْبَتْ أَيْدِي  
النَّاسِ لِيُذْيِقُهُمْ بَعْضَ أَيْدِيِّنَى عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ**

*"Telah berlaku kerosakan di darat dan di laut yang berpunca daripada perbuatan tangan-tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian dari (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar)." (Surah Ar-rum : 41)*

Ancaman dalaman yang semakin

Ancaman luaran bagi masyarakat sebenarnya terpunca dari kesan kolektif ketidakupayaan manusia menangani ancaman dalamanya sendiri. Sistem nilai yang semakin tersasar dari panduan dan pedoman Rabbani menyebabkan manusia semakin berani bertindak mengikut akal yang dangkal dan nafsu yang menggoda setiap masa. Pegangan hidup manusia yang mengagungkan hak asasi individu semata-mata tanpa memberikan penekanan yang sama terhadap peranan, tugas dan tanggungjawab, bersambung di m/s 8



*Ustaz Abd Muhammin Mohammad Shahar,  
Konsultan JK Tarbiah Pusat IKRAM*

# IRSYADUL MUJTAMA' MERUPAKAN WAJIB SYAR'IE DAN TUNTUTAN KEMASYARAKATAN



Buku ini berperanan untuk menjelaskan kepada para da'ie tentang pentingnya

usaha dan amal untuk melakukan islah serta bimbingan kepada masyarakat. Didatangkan dalil-dalil dari Al-Quran, hadis-hadis dan juga sirah bagi mengukuhkan hujah bahawa membimbing dan mengislah masyarakat merupakan tuntutan syarak dan satu kemestian dalam kehidupan manusia.

Contoh dari kehidupan Rasulullah s.a.w. di mana beliau sangat mengambil berat dan berhubung dengan semua lapisan masyarakat seperti golongan pemimpin, hamba, wanita, kanak-kanak, remaja, pemuda, yang kaya dan miskin yang sihat dan yang sakit, bahkan beliau menerima dan melayan pembesar Yahudi dan Nasrani sebagai tetamu. Sudah menjadi akhlak yang sebatи dalam diri Rasulullah s.a.w membantu masyarakat walaupun sebelum menjadi utusan Allah swt lagi. Tawanan perang Badar ditugaskan untuk membasmi sifat buta huruf dalam masyarakat. Baginda seterusnya membimbing mereka kepada pembentukan masyarakat Islam yang dinaungi oleh nilai-nilai dan adab yang membawa mereka kepada kebahagiaan dunia dan akhirat.

Buku ini merupakan penjelasan lanjut kepada rukun amal di mana terdapat maratib amal yang dinamakan 'Irsyadul Mujtamak'. Ustaz Hasan al-Banna telah menerangkan tentang keperluan ini sejurus menjelaskan mengenai pembentukan peribadi Muslim dan Baitul Muslim. Ada

tujuh perkara penting yang perlu diutamakan oleh duat dan jamaah dalam membangunkan semula masyarakat Islam:

1. Menyebar luaskan seruan kepada berbuat kebaikan dalam masyarakat.
2. Memerangi perkara-perkara keji dan kemungkaran.
3. Menggalakkan sifat-sifat mulia.
4. Menyuruh menegakkan perkara yang makruf.
5. Bersegera atau berlumba-lumba melakukan kebaikan.
6. Mempengaruhi pendapat umum agar memihak kepada fikrah Islamiah.
7. Mencorakkan kehidupan masyarakat dengan corak Islam.

Penulis telah menghuraikan setiap perkara ini dari sudut konsep, hujah syarak, wasilah dan kaedah -kaedah bagi menjayakannya. Penulis juga menggariskan persiapan, keperluan dan adab-adab yang perlu bagi seseorang da'ie bagi membantunya menjayakan 'Isyadul Mujtamak' ini. Dicadangkan juga beberapa bentuk aktiviti yang boleh dilaksanakan.

Akhir sekali penulis menekankan tentang pentingnya perlaksanaan konsep 'Rab tul Am' di mana anggota masyarakat itu sendirilah yang akhirnya akan melaksanakan perkara-perkara di atas kerana kebaikan-kebaikan itu akan dinikmati oleh setiap anggota masyarakat itu sendiri.

## Tarbiah Tanggungjawab Semua



Sebahagian para hadirin "Muktamar Tarbawi Nasional"

30 Ogos, Klang. Sebahagian para hadirin sepanjang program Muktamar Tarbawi yang berlangsung di Hotel Goldcourse pada, 4 Zulkaedah 1435H/30 Ogos 2014.

Program berlangsung dengan pengisian Ucaptama Presiden, Forum Tarbiah, Penerangan konsep rabtul Am, serta



Presiden IKRAM bersama Pengerusi JK Tarbiah Pusat IKRAM

pengisian berkenaan "Tarbiah Tanggungjawab Bersama"

Para hadirin juga dibentangkan berkenaan Perancangan dan Dasar JK Tarbiah IKRAM serta Pembentangan Manhaj dan diakhiri dengan resolusi tarbawi.

## Majlis Graduasi TABRI 2013/2014



Sesi bergambar para peserta TABRI setelah tamat program

12 Oktober 2014. Shah Alam,Dengan motto "Nahnu Duat Qobla Kulli Syaiin" program ini telah berakhir. Setelah menjalani program secara bersiri bermula Oktober 2013 dan berakhir pada 12 Oktober 2014. Program ini adalah platform Tadrib/Pelatihan untuk aktivis belia remaja IKRAM yang dikendalikan oleh JK Belia dan Remaja dengan kerjasama JK



Tarbiah Pusat.

Di akhir program ini, para peserta telah menghasilkan pra-modul AA & RA berdasarkan pengalaman medan belia dan remaja yang telah mereka lakukan dan memberikan hasil kepada medan masing-masing. Ianya akan diperhalusi dan menjadi garis panduan di negeri dan daerah.



Sebahagian aktiviti yang dilaksanakan sepanjang program

## Daurah Pemantapan Keberkesanan JK Tarbiah Negeri dan Daerah



Gambar atas dan bawah: Sebahagia para peserta dari seluruh Negeri Johor yang menyertai daurah anjuran JK Tarbiah Pusat



18 Oktober 2014. Johor Bharu. Sekitar 60 orang peserta yang terdiri daripada JK Tarbiah Daerah,Negeri, Johor telah melibatkan diri di dalam program daurah berkenaan keberkesanan JK Tarbiah di peringkat Negeri dan Daerah yang berlangsung selama dua

hari.

Para peserta didedahkan dengan objektif-objektif yang perlu dicapai, memahami lingkaran(Mehwar) kerja Pejabat Tarbiah, tugas-tugas dan pengkhususan kerja serta penilaian dan mekanismenya.



## TARBIATUNA

JAWATANKUSA TARBIAH PUSAT

### Penaung

- Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria

### Ketua Editor

- Azamuddin Mohd Maarof

### Editor/Pruf

- Nordin Shafie
- Mohammad 'Aatdiff Ahmat

### Penulis Kehormat:

- Ustaz Dr Mohd Parid Sheikh Ahmad
- Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria
- Sheikh Mohamed Hamed Elawa
- Ustaz Muhammin Mohammad Shahar

### Penulis Tamu:

- Datin Paduka Che Asmah Ibrahim
- Prof Madya Dr Harlina Halizah Hj Siraj

### Pengurus/Susunatur/Grafik

Hanafi Sudi@Yusoff

### Diterbitkan oleh :

Jawatankusa Tarbiah Pusat,  
Pertubuhan IKRAM Malaysia  
(IKRAM),  
Tel + 603 - 8945 6999,  
. + 603 - 8945 3666  
Fax +603 - 8945 1772  
tarbiatuna.ikram@gmail.com

### Dicetak oleh :

Mashi Publication Sdn Bhd  
Tel: 03-9076 6311  
Fax: 03-9075 4311  
mashipublication@yahoo.com

## SEBAHAGIAN AKTIVITI KITA

# Mahasiswa Luar Negara berhimpun di Shah Alam



Sebahagian para peserta menyertai sesi bergambar

SHAH ALAM - Seramai 139 orang peserta yang juga terdiri dari pelajar luar negara telah menyertai program KONSISTEN(KONVENTSYEN MAHASISWA IKRAM LUAR NEGARA 2014) yang di anjurkan oleh Sekretariat Pelajar Seberang Laut pada 12-15

Ogos 2014 di Kem Bumi Jati, Shah Alam.

Program ini bertujuan agar ia menjadi wacana pertemuan dan membawa perbincangan serta perkongsian antara para peserta tentang amal dakwah di negara tempat belajar masing-masing di samping

membina dan menyatukan kefahaman dakwah dan tarbiah, membina dan membimbing para peserta ke arah menjadi dai'e serta mempunyai matlamat kehidupan berorientasikan dakwah kepada Allah (Amal Makruf Nahi Munkar)

Selain kehadiran Presiden dan Setiausaha Agung IKRAM, turut hadir adalah Pengurus Tarbiah Negeri Selangor Ustaz Hajar Opir, untuk memberikan pengisian serta kata-kata semangat bagi mempertingkatkan tarbiah dan meneruskan perjuangan di jalan Allah s.w.t

## "Matinul Khuluq" tema PERSISTEN 2014



Atas : Para peserta memanaskan bida sebelum memulakan aktiviti.

Bawah : Aktiviti kumpulan oleh para peserta.



13 Ogos 2014 Hulu Langat – Mukhayyam Siswa IKRAM Internasional atau lebih dikenali sebagai PERSISTEN telah dilangsungkan dengan jayanya selama 3 hari bermula pada 11 Ogos-13 Ogos 2014 bertempat di KemHerba, Sungai Congkak, Hulu Langat. Seramai 61 mahasiswa yang belajar di 18 buah Negara seperti United Kingdom, Ireland, Jordan, Mesir, China, Jepun, Czech, Russia, Poland, Amerika Syarikat, Indonesia, India dan lain-lain telah mengikuti program ini.

Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Wanita IKRAM, Datin Paduka Che Asmah Ibrahim. Penekanan kepada program ini adalah untuk membentuk siasah atau akhlaq peserta dengan mengangkat tema MatinulKhuluq (Akhlaq yang mantap). Antara pengisian yang telah diberikan kepada peserta adalah Jalan Dakwah' serta 'Muayashah Tarbawiyah'.

Para peserta diharapkan dapat memberi contoh akhlaq seorang Muslim sekaligus menjadi medan amal dan dakwah mereka di bumi asing.